

Newspaper

Berita Harian

Date

30 January 2016

Annuar dilantik Ketua Penerangan UMNO baharu

» Rombakan struktur MT mantapkan kepemimpinan parti: Najib

Oleh Rohaniza Idris, Nazura Ngah dan Nora Mahpar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Tan Sri Annuar Musa dilantik sebagai Ketua Penerangan UMNO baharu menggantikan Datuk Ahmad Maslan yang dilantik sebagai Ahli MT memegang jawatan Pengerusi Biro Teknologi Maklumat (IT) parti.

Mengumumkan perkara itu, Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelantikan itu selaras dengan penyusunan semula struktur MT bagi memantapkan barisan kepimpinan parti.

Rombakan itu turut memabitkan Ahli MT, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim sebagai Pengerusi Biro Keahlian dan Daftar Pemilih yang baharu.

Abdul Azeez menggantikan tempat Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Ahli MT, Datuk Shamsul Anuar Nasarah pula dilantik Pengerusi Biro Kebajikan menggantikan Abdul Azeez.

Portfolio baharu

Satu portfolio baharu ditubuhkan, iaitu Biro Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diterajui, Datuk Razali Ibrahim.

Ahli MT, Datuk Reezal Merican pula dilantik sebagai Pengerusi Biro Pelajar Luar Negara.

Seorang lagi Ahli MT, Datuk

“MT mengambil maklum perkembangan semasa mengenai perkara itu dan semua perkara yang dibincangkan dalam perbahasan akan diberi perhatian supaya tidak timbul kekecewaan dan pemasalahan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Johari Ghani dilantik Pengerusi Biro Ekonomi menggantikan Allahyarham Tan Sri Jamaluddin Jarjis.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib memaklumkan persidangan tahunan dan mesyuarat UMNO cawangan akan bermula pada 18 Mac hingga 1 Mei, manakala mesyuarat UMNO bahagian 1 Ogos hingga 15 September.

Sambutan Hari UMNO 11 Mei

Beliau turut memaklumkan sambutan Hari UMNO pada 11 Mei akan diadakan pada peringkat bahagian dan nasional, manakala lokasi asal sambutan ditukarkan ke tempat lain kerana Stadium Putra Bukit Jalil kini sedang diubahsuai.

Mengulas lanjut mengenai mesyuarat MT, Najib berkata, mesyuarat dimaklumkan mengenai persidangan khas Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang meluluskan usul menyokong penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

“MT mengambil maklum perkembangan semasa mengenai perkara itu dan semua perkara yang dibincangkan dalam perbahasan akan diberi perhatian supaya tidak timbul kekecewaan dan pemasalahan.

“Turut dimaklumkan pengubahsuaian bajet yang di-

INFO

Rombakan Struktur MT UMNO

● Ketua Penerangan UMNO
– Tan Sri Annuar Musa

● Pengerusi Biro Keahlian dan Daftar Pemilih UMNO
– Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim

● Pengerusi Biro Teknologi Maklumat (IT)
– Datuk Ahmad Maslan

● Pengerusi Biro Kebajikan
– Datuk Shamsul Anuar Nasarah

● Pengerusi Biro Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
– Datuk Razali Ibrahim

● Pengerusi Biro Pelajar Luar Negara - Datuk Reezal Merican

● Pengerusi Biro Ekonomi
– Datuk Johari Ghani

sambut baik semua ahli MT, terutama langkah kerajaan membantu rakyat melalui pelbagai inisiatif termasuk Myberas melalui bantuan 20kg beras untuk golongan miskin te-
gar.